

RUL 573: PENYELIDIKAN ATAS DAYA USAHA PELAJAR

**KEBUDAYAAN HIBRID DALAM ALAM BINA MALAYSIA:  
KAJIAN KES MASYARAKAT BABA NYONYA MELAKA**

*Disediakan oleh:*

**KELVIN ONG U-LIN**

*Penyelia pertama:*

**PROF. MADYA DR. MOHAMED AMIRUDDIN FAWZI BHAUDIN**

*Penyelia kedua:*

**EN. JAMEL ARIFFIN**

*Penyelaras kursus:*

**DR. HASSIM MAT**

*Diajukan kepada*

**PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN,  
BANGUNAN DAN PERANCANGAN,  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,**

**PULAU PINANG**

**BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA PERANCANGAN**

**FEBRUARI 1999**

## ***SEKAPUR SIRIH***

Memang tidak dapat dinafikan yang budaya hibrid, termasuk budaya Baba Nyonya (atau Cina Peranakan) dan Ceti (atau Peranakan India), ialah sebahagian daripada warisan Malaysia. Masyarakat hibrid ini telah mengalami proses akulturasi dan oleh itu amat unik dari segi budaya. Alam bina budaya hibrid ini juga mempunyai keistimewaan dan identitinya tersendiri. Namun begitu budaya serta alam bina budaya hibrid di Malaysia semakin tertekan dan sekiranya tiada langkah konkrit diambil, warisan ini akan terus hilang.

Sebelum meneruskan karangan ini, saya ingin mengucapkan ribuan '*kamsiah*' kepada Prof. Madya Dr. Mohamed Amiruddin Fawzi Bahaudin, selaku penyelia tesis kerana menerima tajuk ini sebagai tesis saya. Nasihat serta tunjuk ajar yang Dr. Amir hulurkan, sama ada yang berkaitan secara langsung dengan tesis atau yang berkenaan dengan hal-hal lain akan sentiasa diingati dan dijadikan pegangan. Terima kasih juga kepada En. Jamel Ariffin, selaku penyelia kedua dan semua pensyarah yang secara langsung atau tidak langsung memberi bimbingan sejak tahun pertama lagi, khususnya Prof. Madya Dr. Alip Rahim, Dr. Nurwati Badarulzaman, Dr. Kausar Hj. Ali, Dr. A. Ghafar Ahmad, En. Wan Burhanuddin Wan Abidin, En. Haidar Kassim, Dr. Sharifah Fairuz Syed Fadzil dan En. Azmi Luddin. Tidak lupa juga kepada adik saya, Aerin Ong Wi Lin dan sepupu saya, Melissa yang banyak membantu dalam menjalankan kerja lapangan.

*Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung daik bercabang tiga.  
Hancur badan di kandung tanah.  
Budi yang baik dikenang juga.*

Tesis ini sebenarnya berkesinambungan daripada disertasi yang disiapkan semasa menuntut dalam lapangan seni bina. Minat terhadap budaya Baba Nyonya telah dipupuk sejak kecil lagi oleh ibu bapa serta datuk nenek saya. Sejak tahun kedua pengajian tinggi lagi, bahan-bahan berkaitan dengan budaya Baba Nyonya, khususnya yang berkaitan dengan alam bina budaya hibrid Baba Nyonya telah mula dikumpulkan sebagai hobi. Oleh yang demikian, kajian tesis ini menggunakan budaya Baba Nyonya sebagai kajian kes atau contoh budaya hibrid di Malaysia. Pelbagai aspek budaya ini, termasuk alam binanya semakin tertekan dan mungkin terus hilang. Sebagai seorang Baba, kajian ini diharapkan akan sedikit sebanyak menyumbang ke arah usaha meneruskan warisan ini. Akhir sekali ...

*Cantik kembang bunga Melati.  
Tumbuh sebatang di tepi kota.  
Hilang tumbuh patah berganti.  
Adat pusaka terpelihara juga.*

*Baba Kelvin Ong U-Lin*

## ***ABSTRAK***

Tesis ini mengkaji tentang pengaruh 'kehibridan' atau ciri-ciri hibrid dalam sesebuah budaya hibrid ke atas budaya dan alam binanya. Budaya hibrid Baba Nyonya di pilih sebagai kajian kes.

Bab 2 akan membincangkan ciri-ciri hibrid dalam aspek fizikal alam bina masyarakat Baba Nyonya. Seterusnya, bab 3 akan membincangkan ciri-ciri hibrid dalam aspek sosio ekonomi. Budaya dan alam bina Baba Nyonya pada masa kini semakin merosot berbanding dengan zaman penjajahan British. Oleh itu tesis ini akan mengkaji bagaimana ciri-ciri hibrid dalam aspek sosio ekonomi Baba Nyonya mengakibatkan budaya uniknya semakin merosot seperti yang dihuraikan dalam bab 4.

Ciri-ciri hibrid budaya Baba Nyonya seperti keupayaan mereka bertutur bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan fasih membolehkan mereka mempunyai perhubungan yang rapat dengan pihak British. Ini banyak membantu meningkatkan status ekonomi, sosial dan politik mereka. Ekoran daripada itu, alam bina mereka yang unik semakin berkembang di Jalan *Heeren* (Jalan Tun Tan Cheng Lock), Jalan *Jonker* (Jalan Gelanggang dan Jalan Hang Jebat) dan Jalan Tengker. Namun begitu, semua ini berubah selepas pengunduran British dan kemasukan beramai-ramai golongan Cina *Sinkeh*. Ciri-ciri hibrid Baba Nyonya yang pada zaman penjajahan British merupakan suatu kelebihan kepada mereka kini lebih merupakan suatu kekurangan. Tambahan lagi, warisan alam bina mereka juga semakin merosot.

## **PENGHARGAAN**

Sebelum melangkah lebih jauh, saya ingin merakamkan ucapan ribuan '*kamsiah*' kepada mereka yang telah membantu saya dalam menjalankan tesis ini dengan serangkap pantun;

*Anak kedidi dimakan ikan  
Ikan dibawa ke Pulau Angsa  
Sejumlah budi tuan taburkan  
Bercerai nyawa tidak akan dilupakan*

**Ibu, Pn. E Meng Chui** yang juga bekas Presiden (Bahagian Wanita) Persatuan Peranakan Cina Melaka, dan **Bapa, En. Ong Chye Sun** kerana segala sokongan moral, dorongan, nasihat dan tunjuk ajar serta memupuk minat terhadap budaya Baba Nyonya sejak kecil lagi.

**Nenek, Pn. Ida Soh Lim Neo** dan **Datuk, En. Ong Tam Sang** yang turut memberi banyak nasihat, tunjuk ajar dan memupuk minat terhadap budaya Baba Nyonya serta menyumbangkan foto-foto lama keluarga. '*Kamsiah*' juga kepada En. Ong Tam Sang kerana membantu dalam menjalankan kerja lapangan.

**Nenek, Pn. Wee Guat Neo** kerana memberi sokongan moral dan nasihat serta membantu dalam menjalankan kerja lapangan.

**Kakak, Cik Sharon Ong Ai Lin** dan **Adik, Cik Aerin Ong Wi Lin** kerana sentiasa memberi bantuan dalam menjalankan kajian serta kerja lapangan. Terima kasih juga kepada **Sepupu, Cik. Melissa Ong Su Yin** yang juga turut banyak membantu dalam menjalankan kerja lapangan.

**Prof. Madya Dr. Mohamed Amiruddin Fawzi Bahaudin**, selaku **Penyelia Tesis Pertama** kerana memberi banyak nasihat dan tunjuk ajar.

**En. Jamel Ariffin**, selaku **Penyelia Tesis Kedua** kerana juga memberi nasihat dan tunjuk ajar.

*En. Chan Kim Lay*, selaku *Timbalan Presiden Persatuan Peranakan Cina Melaka* dan tuan punya Muzium Warisan Baba Nyonya kerana memberi tunjuk ajar, bahan rujukan dan membenarkan saya mengambil foto muziumnya.

*En. Koh Kim Bok*, selaku *Presiden Persatuan Peranakan Cina Malaysia (Bukit Rambai)* kerana memberi bimbingan mengenai latar belakang masyarakat Baba Nyonya di Bukit Rambai.

*En. Teo Boon Hong*, selaku *Timbalan Presiden Persatuan Peranakan Cina Malaysia (Bukit Rambai)* kerana turut memberi bimbingan mengenai latar belakang masyarakat Baba Nyonya di Bukit Rambai.

*En. Lee Lip Lee*, selaku *Presiden Persatuan Peranakan Cina Singapura* kerana memberi bahan rujukan mengenai budaya dan alam bina masyarakat Baba Nyonya di Singapura.

Ribuan '*kamsiah*' juga diucapkan kepada nama-nama berikut kerana membantu dalam menjalankan kerja lapangan;

*En. Tan Lee Juan*

*Cik. Charlotte Lim Gek Huay*

*En. Robert Seet*

*En. Daniel Ang Yam Seng*

*En. Michael Chin*

*En. Cedric Tan Chai Cheng*

*En. Thomas Tan Chai Eng*

*Pn. Maureen Lim Guat Lue*

*Pn. Josephine Chua Lay Choo*

Tidak lupa juga kepada nama-nama berikut yang telah sudi memberi saya peluang untuk menemuramah mereka;

*En. Ee Tiang Lock*

*En. Tan Beng Tee*

*En. Kenny Chan Yean Kim*

*En. Tan Yew Chye*

*En. Lawrence Au*

*En. Yeo Kim Swee*

*En. Lee Liang Hye*

*Pn. Koh Eng Neo*

*En. Soh Eng Keng*

Ucapan ribuan '*kamsiah*' turut disampaikan kepada

*Persatuan Peranakan Cina Melaka*

*Persatuan Peranakan Cina Malaysia (Bukit Rambai)*

*Panel Pensyarah Sarjana Sains Perancangan* termasuk *Prof. Madya Dr. Alip*

*Rahim, Dr. Nurwati Badarulzaman* dan *Dr. Kausar Ali* serta

*Pensyarah-pensyarah* lain yang telah membimbing saya sejak tahun pertama pendidikan tinggi termasuk, *En. Wan Burhanuddin Wan Abidin, En. Haidar Kassim, Dr. Mohd. Zin Kandar, Dr. Abdul Malik Abdul Rahman, Prof. Madya Abdul Hadi Endut, Dr. Muna Hanim Abd. Samad, En. Azmi Luddin, En. Ahmad Zakiulfuad Yahaya* dan *En. Hj. Mohd. Razali Mahyuddin,*

dan tidak lupa juga kepada

*Bekas Presiden Persatuan Peranakan Cina Melaka, mendiang En. Chin Thian Soo, Pn. Khoo Salma Nasution dan Pn. Chee Chye Neo,*

serta ramai lagi yang namanya tidak tercatat di sini, saya mengucapkan ribuan...

*'kamsiah' !*

## ISI KANDUNGAN

<i>Sekapur Sirih</i> .....	<i>i</i>
<i>Abstrak</i> .....	<i>iii</i>
<i>Penghargaan</i> .....	<i>iv</i>
<i>Isi Kandungan</i> .....	<i>vii</i>
<i>Senarai Gambar</i> .....	<i>ix</i>
<i>Senarai Jadual</i> .....	<i>xiii</i>
<i>Senarai Graf</i> .....	<i>xiii</i>
<b>1 Pendahuluan</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Matlamat, Objektif Dan Skop Kajian .....	2
1.3 Hipotesis.....	3
1.4 Metodologi Kajian.....	3
1.5 Kerja Lapangan.....	8
1.5.1 .Persampelan.....	8
1.5.2 Soal Selidik.....	11
1.5.3 Kerja Lapangan Di Jalan Tun Tan Cheng Lock.....	13
1.5.4 Temuramah.....	14
<b>2 Pengaruh Budaya Dan Ciri-Ciri Hibrid Dalam Aspek Fizikal Alam Bina Baba Nyonya</b> .....	<b>15</b>
2.1 Pengenalan.....	15
2.2 Ciri-Ciri Hibrid Dalam Tatatur Kawasan Penempatan Tradisional Baba Nyonya .....	16
2.3 Seni Bina Hibrid Baba Nyonya ( <i>Straits Eclectic</i> ) .....	23
2.3.1 Rumah Kedai Baba Nyonya Jenis <i>Straits Eclectic</i> .....	25
2.4 Ciri-Ciri Hibrid Dalam Elemen-Elemen Fasad.....	27
2.4.1 Pintu Pagar .....	27
2.4.2 Tingkap.....	28
2.4.3 Bukaan Pengudaraan.....	29
2.4.4 Kolum, 'Pilaster' Dan Arca .....	29
2.4.5 Batu <i>Ribbon</i> .....	30
2.4.6 Hiasan Luaran.....	33
2.4.7 <i>Jiho</i> .....	34
2.5 Kaki Lima.....	35
2.6 Bumbung.....	38
2.7 Rumusan.....	43



<b>3</b>	<b>Ciri-Ciri Hibrid Dalam Aspek Sosio Budaya Baba Nyonya.....</b>	<b>45</b>
3.1	Pengenalan.....	45
3.2	Akulturası ( <i>Acculturation</i> ) Atau Asimilasi ( <i>Assimilation</i> ) Budaya?.....	45
3.3	Proses Akulturası Awal.....	47
3.4	Bahasa Melayu Baba.....	49
3.5	Keagamaan, Amalan Penyembahan Nenek Moyang Dan Pantang Larang ...	53
3.6	Penyambutan Hari-Hari Kebesaran .....	58
3.7	Rumusan.....	60
<b>4</b>	<b>Kemerosotan Budaya Dan Alam Bina Baba Nyonya Akibat 'Kehybridannya' Dalam Konteks Masa Kini.....</b>	<b>61</b>
4.1	Pengenalan.....	61
4.2	Pergantungan Masyarakat Baba Nyonya Kepada Pihak Penjajah British (1824 Hingga 1942).....	61
4.3	Delima Masyarakat Baba Nyonya Selepas Kemasukan Beramai-Ramai Cina <i>Sinkeh</i> Dan Peninggalan Pihak British.....	68
4.4	Delima Masyarakat Baba Nyonya Dalam MCA.....	74
4.5	Krisis Identiti.....	76
4.6	Fenomena Perpindahan Keluar Masyarakat Baba Nyonya Dari Kawasan Penempatan Tradisional.....	78
4.7	Pengaruh Kemerosotan Sosio Budaya Ke Atas Alam Bina.....	80
4.8	Rumusan.....	90
<b>5</b>	<b>Rumusan.....</b>	<b>91</b>
	<i>Bibliografi</i> .....	<i>xiv</i>
	<i>Lampiran 1: Surat Pengenalan Soal Selidik (Cover Letter)</i> .....	<i>xxiii</i>
	<i>Lampiran 2: Borang Soal Selidik 1</i> .....	<i>xxiii</i>
	<i>Lampiran 3: Borang Soal Selidik 1a</i> .....	<i>xxiii</i>
	<i>Lampiran 4: Borang Soal Selidik 2</i> .....	<i>xxiii</i>
	<i>Lampiran 5: Borang Soal Selidik 2a</i> .....	<i>xxiii</i>
	<i>Lampiran 6: Borang Kerja Lapangan Di Jalan Tun Tan Cheng Lock</i> .....	<i>xxiii</i>
	<i>Lampiran 7: Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di Konvensyen Baba Ke 11 Di Melaka (5 Disember 1998), "The Peranakan Architecture: It's Future Challenges &amp; Trends</i> .....	<i>xxiii</i>

## SENARAI GAMBAR

- Gambar 1.1: Soal selidik diisi oleh En. Chee Hood Siong, pelakon watak 'Ah Chim' dalam siri 'Baba dan Nyonya' dan isterinya, Gladys Chee..... 13
- Gambar 2.1: Rumah-rumah kedai dibina dalam blok di kawasan penempatan masyarakat Baba Nyonya. (Sekitar Jalan Tun Tan Cheng Lock dan Jalan Hang Jebat, 1968). ..... 16
- Gambar 2.2: Jalan Tun Cheng Lock (sebelah kanan), Jalan Hang Kasturi (tengah) dan Jalan Tokong (sebelah kiri) merupakan tiga batang jalan raya utama yang selari dan merentasi Chinatown Melaka. .... 16
- Gambar 2.3: Rekabentuk bandar Zaltbommel di Belanda yang menekankan sistem grid ortogonal dalam bandar. Bangunan-bangunan disusun dalam blok-blok seperti yang terdapat di kawasan penempatan tradisional Baba Nyonya (rujuk gambar 4.8, 4.18 dan 4.19). ..... 17
- Gambar 2.4: Rumah deret di Belanda sempit dan memanjang ke belakang kerana cukai dipungut berdasarkan kelebaran fasad rumah. .... 18
- Gambar 2.5: Fasad rumah deret di Tianjin, China Utara yang lebar, berbeza dengan fasad rumah-rumah di China Selatan yang sempit. .... 18
- Gambar 2.6: Rekabentuk rumah kedai di Jalan Megazine, Pulau Pinang (atas, kiri), Singapura (atas, kanan) dan Tianjin, China (bawah, kiri) amnya menampilkan rekabentuk yang berulang-ulang. Ini melahirkan sebuah rentak bandar yang unik dan permandangan yang harmoni. Rekabentuk rumah kedai di Jalan Tun Tan Cheng Lock (bawah, kanan) Melaka pula amnya lebih menekankan rekabentuk yang berlain-lain. Oleh itu, setiap satu rumah mempunyai keunikan tersendiri. .... 20
- Gambar 2.7: Garisan bangunan belakang yang tidak sekata. Tanah belakang rumah-rumah ini ialah tanah tambakan. .... 20
- Gambar 2.8: Rumah kedai-rumah kedai terletak di tepi Sungai Melaka untuk memudahkan kerja punggah memunggah pada suatu masa dahulu ..... 21
- Gambar 2.9: Jalan Tun Cheng Lock yang selebar 7 meter amat sempit dan menyukarkan kenderaan-kenderaan besar melaluinya. Ini sering mengakibatkan kesesakan lalu lintas. .... 22
- Gambar 2.10: Rumah '*Kiah Kay*' di 182, Jalan Tengkeri..... 25
- Gambar 2.11: Fasad jenis transisi akhiran yang memaparkan hiasan yang menarik di 167, Jalan Tengkeri (atas, kiri); 97, Jalan Hang Jebat (atas, kanan) dan 153, jalan Tun Tan Cheng Lock (bawah, kiri). Fasad di 70, Jalan Tun Tan Cheng Lock menarik tetapi tidak terurus (bawah, kanan)..... 26
- Gambar 2.12: Pintu pagar dihias dengan cat emas. Motif ukiran ialah bunga-bunga dan rusa. Rusa ialah lambang status menurut kepercayaan masyarakat Baba Nyonya dan Cina. (127, Jalan Tun Tan Cheng Lock)..... 27
- Gambar 2.13: Rekabentuk pada panel pintu pagar berasal dari China. Ia bermotifkan bunga '*pheony*' dalam pasu. '*Pheony*' ialah lambang kekayaan dan kesenangan. (149, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 28

- Gambar 2.14: Motif bunga '*pheony*' dalam pasu yang digunakan dengan banyak pada rumah kedai Baba Nyonya berasal dari China. Motif yang sama dapat dilihat pada skrin pemisah sebuah rumah di Beijing, China ..... 28
- Gambar 2.15: Pintu utama rumah-rumah di China tidak banyak mempengaruhi rekabentuk pintu-pintu rumah kedai Baba Nyonya. Pintu pagar misalnya direkabentuk hasil pengaruh *Anglo-India* dan diubahsuai untuk memenuhi keperluan konteks tempatan seperti iklim panas lembap. .... 28
- Gambar 2.16: Bukaan pengudaraan yang diisi dan berhias dengan '*plaster relief*'. (127, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 30
- Gambar 2.17: Bukaan pengudaraan rumah kedai Baba Nyonya berasal daripada seni bina tradisional China. Bukaan pengudaraan terbuka ke arah halaman dalaman sebuah rumah '*quadrangle*' di Chengde, China. .... 30
- Gambar 2.18: Sambungan '*tou kung*' ..... 31
- Gambar 2.19: Arked pada kaki lima ..... 31
- Gambar 2.20: Jubin '*Batu Ribbon*' dengan motif geometrik dari Eropah. (103, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 32
- Gambar 2.21: Jubin '*Batu Ribbon*' dengan motif pengaruh dari China. Bunga '*pheony*' pada jubin ialah lambang kekayaan dan kesenangan. (81, Jalan Tun Tan Cheng Lock). Gambar sebelah kanan menunjukkan perincian jubin '*Batu Ribbon*'. .... 33
- Gambar 2.22: Jubin '*Batu Ribbon*' dengan lambang '*pheony*' yang sama pada tangga besar rumah Melayu Melaka di Alor Gajah. .... 33
- Gambar 2.23: Bunga '*pheony*' di Beijing, China. .... 33
- Gambar 2.24: Rumah kedai yang penuh dengan hiasan kelihatan indah dan unik. Elemen-elemen hiasan yang menonjol ialah '*Thien Teng*', '*Jiho*', tiang Ionic, '*pilaster*' dan ukiran-ukiran yang menarik. (48, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 35
- Gambar 2.25: '*Jiho*' dengan tulisan Cina yang dicat menggunakan cat emas. (73, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 36
- Gambar 2.26: '*Jiho*' yang terdapat di '*Forbidden City*', Beijing, Cina. '*Jiho*' ini mempunyai ukiran tiga dimensi yang menarik dan tidak terdapat dalam '*Jiho*' rumah kedai Baba Nyonya. .... 36
- Gambar 2.27: Tabung colok pada dipasang pada kolum kaki lima. (50, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 37
- Gambar 2.28: Kaki lima depan rumah keluarga Tun Tan Cheng Lock. Tiang disambungkan kepada rasuk menggunakan tanggam tradisional '*tou kung*'. (111, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 37
- Gambar 2.29: Sambungan '*tou kung*' yang menyambungkan tiang kepada rasuk lantai. (93, Jalan Tun Tan Cheng Lock). Gambar sebelah kanan menunjukkan sambungan *tou kung* yang digunakan pada sebuah istana di '*Forbidden City*', Beijing, China. .... 38

- Gambar 2.30: Ada cerita yang mengatakan yang sekiranya penghuni benci pelawat yang datang ke rumahnya, penghuni akan menuang air kencing dari 'tampui'nya (bekas kencing) melalui lubang intai ini ke pelawat tersebut yang sedang berdiri di bawah. Lubang intai di gambar bawah membuka ke Ruang Tamu. (149, Jalan Tun Tan Cheng Lock)..... 39
- Gambar 2.31: Konsep kaki lima juga digunakan dalam seni bina tradisional China terutamanya dalam rumah '*Quadrangle*' ..... 39
- Gambar 2.32: Kaki lima yang ditutup separuh untuk meminimalkan penggunaan orang awam. (85, 83, 81, Jalan Tun Tan Cheng Lock)..... 39
- Gambar 2.33: Genting tanah liat digunakan pada cucur atap. (65, 63 & 61, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 40
- Gambar 2.34: Warna dan tekstur bumbung Rumah Berhalaman (*Quadrangle House* atau *Courtyard House*) di China memberi karektor kepada rumah ini. Rekabentuk dan penggunaan bahan-bahan bumbung rumah kedai Baba Nyonya banyak dipengaruhi oleh bumbung rumah-rumah di China. ... 40
- Gambar 2.35: Warna dan tekstur bumbung rumah kedai Baba Nyonya di Melaka banyak dipengaruhi oleh bumbung rumah-rumah di China. Ini menghasilkan '*roofscape*' yang mirip '*roofscape*' bandar di China, terutamanya daerah-daerah di China Selatan, dari segi warna dan tekstur..... 40
- Gambar 2.36: Hujung Genting Cina di China, yang dipanggil 'penahan genting' (*tile stopper*) ini mempunyai corak bulat dan tulisan Cina '*Shou*' padanya. 41
- Gambar 2.37: Penahan genting rumah kedai Baba Nyonya. (31, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 42
- Gambar 2.38: Penahan Genting Cina di Istana Musim Panas (*Summer Palace*), Beijing, China. .... 42
- Gambar 2.39: Bahagian atas cucur atap yang berhias '*plaster relief*' dengan motif tumbuh-tumbuhan. .... 42
- Gambar 2.40: Bahagian atas cucur atap yang berhias '*plaster relief*' dengan motif burung '*phoenix*', bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan. .... 43
- Gambar 2.41: Bumbung sebuah tokong Cina yang diubahsuai daripada sebuah rumah kedai Baba Nyonya mempunyai genting yang disusun mengikut susunan '*ridge and furrow*'. Susunan cara ini berasal daripada seni bina tradisional China. Patung-patung naga pada perabung utama dan patung-patung kecil lain pada dua perabung sisi juga menggambarkan pengaruh seni bina tradisional China. (122, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ..... 43
- Gambar 2.42: Patung naga yang sama terdapat di Dewan Kemuliaan dan Istiadat (*Hall of Loftiness and Solemnity*), Chengde, China. Di sinilah tempatnya Lama Bainqen ke-6 menerangkan kitab Buddha kepada Maharaja Qianlong. Naga emas ini kelihatan seperti terbang di langit. 43
- Gambar 3.1: Baju panjang dan kerosang yang dipakai oleh Nyonya ini menggambarkan pengaruh akulturasi dengan budaya Melayu..... 48
- Gambar 3.2: Bintang Pranakan ..... 53

Gambar 3.3: Walaupun masyarakat Baba Nyonya banyak dipengaruhi oleh budaya Melayu, dari segi keagamaan, mereka masih berpegang teguh kepada ajaran Confucianisme dan Taoisme .....	54
Gambar 3.4: Tokong Cheng Hoon merupakan antara tokong yang sering dilawati oleh masyarakat Baba Nyonya yang lebih berpegang kepada ajaran Confucianisme dan Taoisme .....	54
Gambar 3.5: Meja penyembahan di ruang tamu. (43, Jalan Tun Tan Cheng Lock) ...	55
Gambar 3.6: Kelihatan dalam gambar ' <i>altar</i> ' kecil khas untuk penyembahan nenek moyang terletak di penjuru belakang rumah keluarga Too (5939e, Bukit Rambai) .....	56
Gambar 4.1: Baba Nyonya pada zaman pra peperangan .....	63
Gambar 4.2: Pakaian Nyonya yang tipikal .....	64
Gambar 4.3: Seorang Baba dengan pakaian ala Barat .....	64
Gambar 4.4: Masyarakat Baba Nyonya begitu mesra dengan orang British .....	65
Gambar 4.5: Tun Tan Cheng Lock .....	72
Gambar 4.6: Jalan Heeren pada tahun 80-an .....	78
Gambar 4.7: Peta bandar Melaka pada 1916 menunjukkan lokasi 'Kampung Blanda' dan kampung-kampung lain seperti 'Kampung Kling', 'Kampung Pantai' dan 'Kampung Serani' .....	81

## SENARAI JADUAL

Jadual 1. 1: Pecahan Sampel Mengikut Kawasan.....	9
Jadual 1. 2: Pemilihan Sampel ('x': % Sampel Kurang Daripada 50.0%, 'y': Sampel 0.0%).....	10
Jadual 3.1: Keupayaan Bertutur Dalam Bahasa Melayu Baba .....	51
Jadual 3.2: Kebolehan Bertutur Menggunakan Dialek Cina.....	52
Jadual 3.3: Penyembahan Nenek Moyang.....	56
Jadual 3.4: Kepercayaan Kepada Pantang Larang .....	57
Jadual 4. 1: Populasi Penduduk Cina Selat ( <i>Straits Born Chinese</i> ), 1881.....	62
Jadual 4.2: Pecahan Populasi Masyarakat Cina Berdasarkan Kumpulan Dialek.....	69
Jadual 4.3: Kesedaran Masyarakat Baba Nyonya Tentang Peranannya Dalam Integras Masyarakat Malaysia Yang Berbilang Kaum?.....	74
Jadual 4.4: Fungsi Rumah-rumah Kedai Di Jalan Tun Tan Cheng Lock.....	83
Jadual 4.5: Bangsa Pemilik-pemilik Rumah Kedai Di Jalan Tun Tan Cheng Lock ...	87
Jadual 4.6: Fungsi Rumah-rumah Kedai Yang Dimiliki Oleh Masyarakat Baba Nyonya Di Jalan Tun Tan Cheng Lock .....	88

## SENARAI GRAF

Graf 3.1: Bilangan Responden Yang Tidak Boleh Bertutur Dalam Bahasa Melayu Baba Berdasarkan Umur Responden. ....	51
Graf 4.1: Fungsi Rumah-rumah Kedai Di Jalan Tun Tan Cheng Lock.....	83
Graf 4.2: Bangsa Pemilik-pemilik Rumah Kedai Di Jalan Tun Tan Cheng Lock .....	87
Graf 4.3: Fungsi Rumah-rumah Kedai Yang Dimiliki Oleh Masyarakat Baba Nyonya di Jalan Tun Tan Cheng Lock. ....	89

# 1. PENDAHULUAN

**KEBUDDAYAAN HIBRID DALAM ALAM BINA MALAYSIA:  
KAJIAN KES MASYARAKAT BABA NYONYA MELAKA.**

# 1 PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Masyarakat budaya hibrid Baba Nyonya ialah segolongan keturunan kaum Cina yang unik kedudukannya di kalangan kaum Cina yang terdapat di Malaysia dan Singapura<sup>1</sup>. Mereka memanggil diri mereka sebagai 'Baba dan Nyonya' atau 'Peranakan'. Kebudayaan mereka berasal daripada warisan tradisional Cina tetapi mempunyai unsur-unsur pengaruh kebudayaan Melayu. Masyarakat ini telah mengalami penyesuaian dan resapan budaya terhadap suasana sosio-budaya dipersekitaran.

Walaupun aspek-aspek sosial dan kebudayaan masyarakat Baba Nyonya telah banyak dikaji, aspek alam bina dan penempatan awal mereka masih dipertikaikan. Ciri-ciri fizikal alam bina ini yang unik juga kurang diberi perhatian oleh masyarakat Baba Nyonya dan ahli-ahli akademik pada umumnya. Ciri-ciri unik ini banyak dipengaruhi oleh kebudayaan tempatan dan oleh pihak penjajah. Kawasan-kawasan penempatan asal atau tradisional masyarakat Baba Nyonya di Melaka ialah di sekitar Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Hang Jebat dan Jalan Tengker

Namun begitu, populasi masyarakat Baba Nyonya pada masa kini semakin bertaburan di sekitar bandar, luar bandar dan di luar Melaka, Pulau Pinang dan Singapura dan tidak lagi bertumpu di kawasan penempatan asal mereka. Di Jalan Tun Tan Cheng Lock misalnya, kurang daripada 20 keluarga<sup>2</sup> Baba Nyonya yang masih menetap di sini berbanding dengan masa dahulu di mana lebih daripada 90% daripada populasi di sini merupakan keluarga Baba Nyonya. Menurut Dr. Tan Chee Beng, seorang pensyarah di Universiti Malaya, Jabatan Antropologi dan Sosiologi pernah berkata semasa Konvensyen Baba 1989 di Melaka;

---

<sup>1</sup> Shahrudin Bin Yusoff, (ed), (1983), **Warisan Baba**, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, ms 1

<sup>2</sup> Ian Lloyd & Wendy Moore, (1986), **Malacca**, Singapura: Times Edition, ms. 53.



*"Well I did my research 12 years ago. I was interested in how many houses still belonged to the Baba...the majority did not belong to the Baba actually. Then I found that many Baba didn't actually stay there. They made that as a 'Rumah Abu'"<sup>3</sup>*

Ciri-ciri kebudayaannya masyarakat ini semakin dilupakan<sup>4</sup>. Sebahagian besar mereka telah berhijrah ke kawasan pinggir bandar tinggal di rumah banglo moden. Keadaan ini lebih menonjol di Singapura dan Pulau Pinang. Hanya sebilangan kecil golongan Baba Nyonya (yang kurang berada) yang menetap di kawasan-kawasan yang pada tradisionalnya didiami oleh masyarakat Baba Nyonya misalnya Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Tengkeri dan Jalan Hang Jebat di Melaka. Di luar bandar, kawasan-kawasan penempatan yang popular ialah Bukit Rambai dan Batu Berendam.

## 1.2 MATLAMAT, OBJEKTIF DAN SKOP KAJIAN

Matlamat kajian ini ialah untuk mengkaji pengaruh ciri-ciri hibrid dalam budaya dan alam bina hibrid di Malaysia.

Selaras dengan matlamat kajian yang telah digariskan, objektif kajian ini ialah untuk:

- a) Mengkaji perkaitan di antara budaya dan alam bina hibrid
- b) Mengkaji pengaruh ciri-ciri hibrid ke atas budaya dan alam bina hibrid pada masa kini.

---

<sup>3</sup> Sandra Fong, 1989 *Baba Convention Report*, tidak dicetak, ms. 4.

<sup>4</sup> John Clammer, (1983), "The Straits Chinese in Melaka", dlm. Melaka, Kuala Lumpur: Oxford University Press, vol. II, ms. 156

Dalam pasa itu, budaya masyarakat Baba Nyonya digunakan sebagai kajian kes. Masyarakat Baba Nyonya tertumpu khususnya di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Namun begitu masyarakat Baba Nyonya di Melaka dikaji memandangkan asal usul masyarakat Baba Nyonya bermula di Melaka, maka kajian ini dihadkan kepada masyarakat Baba Nyonya Melaka.


### 1.3 HIPOTESIS

Berdasarkan bahan rujukan awal serta perbincangan dengan beberapa ahli masyarakat Baba Nyonya, hipotesis kajian ialah:

*"Kehibridan atau ciri-ciri hibrid dalam budaya dan alam bina hibrid kini mengakitkan kemerosotan dalam kedua-dua aspek budaya dan alam bina hibrid"*

### 1.4 METODOLOGI KAJIAN

Selaras dengan skop kajian, metodologi kajian akan terbahagi kepada dua fasa utama. Selain dua fasa utama ini ialah fasa awal dan fasa akhir. Fasa awal melibatkan persiapan awal sebelum kajian fasa I: dan fasa II: Fasa awal ini merangkumi matlamat, objektif, skop kajian dan metodologi kajian.



Fasa I: Kajian Latar Belakang Dan Pengaruh Pola Penempatan Masyarakat Baba Nyonya Ke Atas Budaya Dan Sebaliknya dan Fasa II: Kajian Masalah Dan Langkah-langkah Mengatasinya saling bertindihan. Oleh itu, setengah-setengah bahagian akan dijalankan serentak. Fasa I dan II melibatkan pengumpulan data-data primer dan sekunder. Data sekunder akan dimulakan dahulu diikuti dengan pengumpulan data-data primer. Lawatan akan dijalankan ke jabatan-jabatan berkenaan seperti Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Muzium Melaka, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Perangkaan dan persatuan-persatuan berkenaan seperti Persatuan Peranakan Cina Melaka (PPCM) dan Persatuan Peranakan Cina Malaysia di Bukit Rambai. Sebarang data yang masih tidak dapat diperolehi atau data-data yang perlu diperincikan akan dijalankan melalui soal selidik dan kerja lapangan. Seterusnya, penganalisan data primer dan sekunder akan dilaksanakan. Perbincangan dengan penyelia akan diadakan dari masa ke semasa.


Fasa akhir merangkumi penganalisan keseluruhan kajian. Draf laporan pertama akan disediakan. Draf pertama ini akan dikemas kini selepas maklum balas daripada penyelia dan panel pensyarah. Akhir sekali, laporan akhir akan disediakan untuk penghantaran dan persembahan akhir.


Rajah seterusnya akan menerangkan dengan lebih terperinci kajian fasa I;

Fasa Awal

Fasa IA: Kajian Latar Belakang Sejarah Masyarakat dan Penempatan Masyarakat Baba Nyonya

Fasa IB: Kajian Ciri-ciri Fizikal Penempatan Masyarakat Baba Nyonya





## 1.5 KERJA LAPANGAN

Kerja lapangan telah dijalankan semasa cuti semester. Kerja lapangan ini dijalankan dengan matlamat untuk mendapatkan maklumat mengenai;

- a) keadaan semasa kawasan penempatan tradisional masyarakat Baba Nyonya
- b) pengaruh kawasan penempatan ke atas budaya dan proses akulturasi masyarakat Baba Nyonya.

### 1.5.1 PERSAMPELAN

Data populasi sebenar masyarakat Baba Nyonya tidak wujud kerana sehingga kini semua data yang wujud dalam banci mengkategorikan Baba Nyonya atau Cina Peranakan sebagai Cina dan bukan dalam satu kategori tersendiri. Oleh itu, sampel diperolehi daripada:

- a) Senarai nama dan alamat ahli-ahli Persatuan Peranakan Cina Melaka
- b) Kerja lapangan di Jalan Tun Tan Cheng Lock
- c) Saudara-mara dan rakan-rakan

Daripada dua sumber ini, rakan-rakan dan saudara mara ahli-ahli Persatuan Peranakan Cina Melaka diperolehi. Keseluruhannya, sejumlah 419 orang diperolehi dari dalam dan luar Melaka. Pecahan sampel mengikut kawasan ialah seperti berikut (*rujuk jadual 1.1*):

jadual 1. 1: Pecahan Sampel Mengikut Kawasan

Jenis penempatan	Kawasan	Frekuensi	%
Penempatan tradisional	Jalan Tun Tan Cheng Lock	20	4.8
	Jalan Tengker	15	3.6
	Jalan Hang Jebat	2	0.5
Bukan penempatan tradisional	Ujong Pasir	65	15.5
	Bukit Beruang	38	9.1
	Klebang Besar	34	8.1
	Bukit Rambai	28	6.7
	Batu Berendam	24	5.7
	Bukit Baru	22	5.3
	Semabok	20	4.8
	Lain-lain (luar Melaka)	16	3.8
	Malim	14	3.3
	Banda Hilir	14	3.3
	Lain-lain (dalam Melaka)	14	3.3
	Kampung Lapan	8	1.9
	Cheng	8	1.9
	Ayer Keroh	8	1.9
	Jalan Durian Daun	7	1.7
	Klebang Kecil	6	1.4
	Bukit Sebukor	5	1.2
	Kandang	5	1.2
	Limbongan	4	1.0
	Jalan Laksamana Cheng Ho	4	1.0
	Jalan Bukit Gedong	4	1.0
	Jalan Gajah Berang	3	0.7
	Jalan Kota Laksamana	3	0.7
	Lorong Bukit Senjuang	3	0.7
	Bukit Serindit	3	0.7
	Jalan Peringgit	3	0.7
	Bukit Katil	3	0.7
	Jalan Hang Tuah	2	0.5
	Malaka Raya	2	0.5
	Jalan Taming Sari	2	0.5
	Duyong	2	0.5
	Durian Tunggal	2	0.5
	Jalan Kubu	1	0.2
Tanjong Kling	1	0.2	
Jalan Bunga Raya	1	0.2	
Jalan Bendahara	1	0.2	
Paya Ikan	1	0.2	
Merlimau	1	0.2	
	<b>Jumlah</b>	<b>419</b>	<b>100.0</b>

sumber: *Persatuan Peranakan Cina Melaka; kerja lapangan di Jalan Tun Tan Cheng Lock; saudara mara dan rakan-rakan*



Daripada sampel ini, persampelan rawak berlapis diambil menggunakan nombor rawak.

*jadual 1. 2: Pemilihan sampel ('x': % sampel kurang daripada 50.0%, 'y': sampel 0.0%)*

Kawasan	Frekuensi	Bil. Sampel	% sampel
Jalan Tun Tan Cheng Lock	20	16	80.0
Jalan Tengker	15	9	60.0
Jalan Hang Jebat	2	1	50.0
Ujong Pasir	65	37	56.9
Bukit Beruang	38	22	57.9
Klebang Besar	34	13	38.2
Bukit Rambai	28	28	100.0
Batu Berendam	24	12	50.0
Bukit Baru	22	10	45.5
Semabok	20	11	55.0
Lain-lain (luar Melaka)	16	8	50.0
Banda Hilir	14	8	57.1
Lain-lain (dalam Melaka)	14	7	50.0
Malim	14	5	35.7
Cheng	8	6	75.0
Kampong Lapan	8	5	62.5
Ayer Keroh	8	4	50.0
Jalan Durian Daun	7	1	14.3
Klebang Kecil	6	6	100.0
Kandang	5	5	100.0
Bukit Sebukor	5	3	60.0
Limbongan	4	3	75.0
Jalan Laksamana Cheng Ho	4	2	50.0
Jalan Bukit Gedong	4	2	50.0
Bukit Katil	3	3	100.0
Jalan Kota Laksamana	3	2	66.6
Jalan Gajah Berang	3	1	33.3
Lorong Bukit Senjuang	3	1	33.3
Bukit Serindit	3	1	33.3
Jalan Peringgit	3	1	33.3
Duyong	2	2	100.0
Jalan Hang Tuah	2	1	50.0
Jalan Taming Sari	2	1	50.0
Malaka Raya	2	0	0.0
Durian Tunggal	2	0	0.0
Jalan Kubu	1	0	0.0
Tanjong Kling	1	0	0.0
Jalan Bunga Raya	1	0	0.0
Jalan Bendahara	1	0	0.0
Paya Ikan	1	0	0.0
Merlimau	1	0	0.0
Jumlah	419	237	56.6

sumber: Kerja lapangan

Pada keseluruhannya 56.6% responden dapat disoal selidik. Kebanyakan kawasan mempunyai 50.0% atau lebih responden kecuali beberapa kawasan iaitu Klebang Besar (38.2%), Bukit Baru (45.5%), Malim (35.7%), Jalan Gajah Berang (33.3%), Lorong Bukit Senjuang (33.3%), Bukit Serindit (33.3%), Jalan Durian Daun (14.3%) dan Jalan Peringgit (33.3%). Ini kerana beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan iaitu:

- a) Sesetengah responden telah berpindah ke kawasan lain
- b) Alamat yang diperolehi kurang tepat
- c) Responden kurang memberi kerja sama
- d) Kesukaran mencari lokasi, lokasi terlalu jauh dan kesuntukan masa

Beberapa kawasan yang mempunyai satu atau dua sampel sahaja tidak disoal selidik kerana kesuntukan masa. Tanjong Kling dan Durian Tunggal pula terlalu jauh daripada pusat bandar.

### 1.5.2 SOAL SELIDIK

Dua jenis soal selidik disediakan iaitu:

- a) 'Soal selidik 1' dan 'soal selidik 1a' untuk kawasan penempatan tradisional iaitu Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Tengkeri dan Jalan Hang Jebat
- b) 'Soal selidik 2' dan 'soal selidik 2a' untuk kawasan penempatan bukan tradisional iaitu selain daripada Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Tengkeri dan Jalan Hang Jebat.

Soal selidik disediakan dalam bahasa Inggeris agar mudah difahami oleh masyarakat Baba Nyonya terutamanya generasi yang lebih tua. 'Soal selidik 1a' dan 'soal selidik 2a' lebih mudah difahami diedarkan secara umum. 'Soal selidik 1' dan 'soal selidik 2' lebih

sukar, memerlukan lebih banyak masa untuk diisi tetapi lebih terperinci. Oleh itu, 'soal selidik 1' dan 'soal selidik 2' hanya diedarkan secara terhad kepada golongan yang lebih berpengetahuan. Sesi soal jawab diadakan bagi sesetengah responden yang kurang berilmu atau buta huruf. Contoh soal selidik yang belum diisi dilampirkan di bahagian lampiran iaitu:

- a) *'questionnaire 1' (rujuk lampiran 3)*
- b) *'questionnaire 1a' (rujuk lampiran 4)*
- c) *'questionnaire 2' (rujuk lampiran 5)*
- d) *'questionnaire 2a' (rujuk lampiran 6)*

Kandungan soal selidik-soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian, selaras dengan matlamat kajian iaitu:

- a) bahagian A: Latar Belakang
- b) bahagian B: Aspek Sosio-ekonomi, Akulturasi dan Budaya
- c) bahagian C: Aspek Fizikal
- d) bahagian D: Masalah
- e) bahagian E: Langkah-langkah Mengatasi Masalah

Pada dasarnya kandungan 'soal selidik 1' dan 'soal selidik 1A' sama kecuali 'soal selidik 1' lebih terperinci. Begitu juga dengan 'soal selidik 2' dan 'soal selidik 2A'. Namun begitu 'soal selidik 1' dan 'soal selidik 1A' berbeza sedikit daripada 'soal selidik 2' dan 'soal selidik 2A'. Kandungan soal selidik disesuaikan supaya selaras dengan kawasan penempatan iaitu tradisional atau bukan tradisional.

Semua jawapan berbentuk objektif dikodkan. Pengkodan disesuaikan supaya mudah untuk responden.

Soal selidik yang telah siap diisi dianalisa menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Angkubah-angkubah yang digunakan disertakan sebagai lampiran (*rujuk lampiran 1*).



*gambar 1. 1: Soal selidik diisi oleh En. Chee Hood Siong, pelakon watak 'Ah Chim' dalam siri 'Baba dan Nyonya' dan isterinya, Gladys Chee*

### 1.5.3 KERJA LAPANGAN DI JALAN TUN TAN CHENG LOCK

Kajian yang lebih mendalam dijalankan di Jalan Tun Tan Cheng Lock. Jalan Tun Tan Cheng Lock merupakan kawasan penempatan tradisional masyarakat Baba Nyonya yang paling penting. Kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk mengetahui keadaan semasa kawasan penempatan tradisional ini pada masa kini. Beberapa aspek yang diteliti ialah:

- a) Bilangan bangunan yang masih dimiliki oleh masyarakat Baba Nyonya dan siapakah pemiliknya
- b) Daripada jumlah ini berapa bangunan masih digunakan sebagai tempat tinggal
- c) Fungsi bangunan-bangunan lain di kawasan ini
- d) Bilangan bangunan yang tidak dihuni, terbiar atau telah rosak.

Dengan itu, setiap rumah di Jalan Tun Tan Cheng Lock dikaji. Soal selidik dijalankan serentak bagi rumah-rumah yang dihuni oleh keluarga Baba Nyonya. Borang khas disediakan untuk memudahkan kerja lapangan. Borang yang belum diisi disertakan

sebagai lampiran (*rujuk lampiran 7*). Maklumat yang telah diperolehi dianalisa menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*).

#### 1.5.4 TEMURAMAH

Selain daripada soal selidik dan kerja lapangan, temuramah juga dijalankan dengan beberapa Baba yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang ini. Mereka yang ditemuramah termasuk:

- a) Encik Chan Kim Lay (umur, 73), selaku Timbalan Presiden Persatuan Peranakan Cina Melaka dan pemilik Muzium Warisan Baba Nyonya
- b) Encik Koh Kim Bok (56), selaku Presiden Persatuan Peranakan Cina Malaysia (Bukit Rambai)
- c) Encik Tan Chye Cheng, Thomas (34), selaku wakil Ahli Jawatan Kuasa Bahagian Belia, Persatuan Peranakan Cina Melaka
- d) Encik Chan Kim Yean, Kenny (48), pelakon dalam siri 'Baba Nyonya'
- e) Dr. Ee Tiang Lock (55)
- f) Encik Yeo Kim Swee (76)
- g) Encik Soh Eng Keng (66)
- h) Encik Lawrence Au (64)
- i) Encik Tan Beng Tee (63)
- j) Encik Tan Yew Chye (57)
- k) Puan Koh Eng Neo (54)

2. PENGARUH BUDAYA DAN CIRI-CIRI  
HIBRID DALAM  
ASPEK FIZIKAL ALAM BINA BABA NYONYA  
**KEBUDAYAAN HIBRID DALAM ALAM BINA MALAYSIA:  
KAJIAN KES MASYARAKAT BABA NYONYA MELAKA.**

## 2 PENGARUH BUDAYA DAN CIRI-CIRI HIBRID DALAM ASPEK FIZIKAL ALAM BINA BABA NYONYA

### 2.1 PENGENALAN

Anne Buttimer telah memperkenalkan 'Pendekatan Tingkah Laku' (*Behavioural Approaches*) dalam kajian kawasan penempatan. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pendekatan awal yang hanya menekankan aspek fizikal sahaja. Selain daripada itu, faktor lain yang ditekankan dalam pendekatan ini ialah aspek sosial dan budaya tempatan. Anne Buttimer<sup>1</sup> juga menekankan yang perkembangan sesuatu penempatan dipengaruhi bukan sahaja oleh faktor fizikal, tetapi juga oleh faktor sosial. Kenyataan ini diterangkan oleh Peter Daniel dan Michael Hopkinson;

*"Anne Buttimer argues that space has social as well as purely physical attributes and that these will exert a strong influence on the way in which a settlement develops."*<sup>2</sup>

Ciri-ciri hibrid dalam aspek fizikal iaitu alam bina di kawasan penempatan masyarakat Baba Nyonya tradisional akan dikaji. Aspek sosio budaya akan dikaji dibincangkan dalam bab seterusnya.

---

<sup>1</sup> Anne Buttimer, "Social Space In Interdisciplinary Perspective", *Geographical Review*, 1969, ms. 59.

<sup>2</sup> Peter Daniel & Michael Hopkinson, (1981), *The Geography Of Settlement: Conceptual Frameworks In Geography*, Hong Kong: Wilture Enterprises (International) Ltd., ms. 10

## 2.2 CIRI-CIRI HIBRID DALAM TATATUR KAWASAN PENEMPATAN TRADISIONAL BABA NYONYA

Bangunan-bangunan, kebanyakannya rumah kedai kedaiman atau rumah kedai perniagaan sekitar kawasan penempatan masyarakat Baba Nyonya dibina dengan rapat dalam blok yang disempadani oleh jalan raya di hadapan dan lorong belakang di belakang rumah kedai.



*gambar 2.1: Rumah-rumah kedai dibina dalam blok di kawasan penempatan masyarakat Baba Nyonya. (Sekitar Jalan Tun Tan Cheng Lock dan Jalan Hang Jebat, 1968).*

Terdapat beberapa jenis tatatur bandar yang ketara. Tatatur yang paling biasa dapat dilihat ialah tatatur

*sumber: Kernial Singh Sandhu & Paul Wheatley (eds), Melaka, vol. 1, Kuala Lumpur Oxford University Press, plate 11*

grid ortogonal. Tatatur ini terdapat di sebahagian besar Jalan Hang Jebat dan Jalan Tun Tan Cheng Lock, Melaka. Jalan Tun Cheng Lock, Jalan Hang Kasturi dan Jalan Tokong merupakan tiga batang jalan raya utama yang selari dan merentasi Chinatown Melaka. Beberapa batang jalan pendek seperti Jalan Hang Kasturi dan Jalan Hang Lekir dibina bersudut tepat untuk menghubungkan tiga jalan utama ini lalu membentuk tatatur grid ortogonal.




*gambar 2.2: Jalan Tun Cheng Lock (sebelah kanan), Jalan Hang Kasturi (tengah) dan Jalan Tokong (sebelah kiri) merupakan tiga batang jalan raya utama yang selari dan merentasi Chinatown Melaka.*

*sumber: Malaysia: Wonders And Contrasts, Kuala Lumpur: Foto Teknik Sdn. Bhd. (1986). ms. 99*



Sebahagian besar 'Chinatown' di Melaka menampakkan tatatur grid ortogonal. Ini ialah akibat pengaruh kuat pihak Belanda yang membina sebahagain besar 'Chinatown' Melaka yang ada sehingga masa kini. Tatatur ini telah digunakan sejak dahulu lagi di Amsterdam dan bandar-bandar utama Belanda dengan berjaya. Oleh itu, pihak Belanda mengimplementasikan tatatur ini di Melaka dan menamakan kawasan ini 'Kampung Blanda'. Grid ortogonal amat sesuai untuk tanah rata di kawasan-kawasan yang dinyatakan.

Kedalaman rumah kedai ialah dalam lingkungan 5 meter sehingga 40 meter. Namun begitu, secara tipikal, kedalamannya ialah 20 hingga 30 meter dari jalan raya hadapan sehingga ke lorong belakang. Tatatur grid ini dipengaruhi oleh pihak Belanda yang menjajah Melaka dari tahun 1641 hingga 1824.



*gambar 2.3: Rekabentuk bandar Zaltbommel di Belanda yang menekankan sistem grid ortogonal dalam bandar. Bangunan-bangunan disusun dalam blok-blok seperti yang terdapat di kawasan penempatan tradisional Baba Nyonya*


*sumber: Edmund N. Bacon, Design Of Cities, London: Thames and Hudson Ltd., ms. 165*

Rumah kedai Baba Nyonya memanjang ke belakang dan mempunyai fasad yang sempit kerana pada masa zaman pemerintahan Belanda di Melaka, cukai dikutip berdasarkan lebar fasad rumah. Oleh itu, untuk memperdayakan pemungut cukai, kelebaran rumah dikurangkan. Masalah ruang dalaman yang sempit, diatasi dengan membina rumah memanjang ke belakang. Sehingga hari ini, amalan memungut cukai berdasarkan kelebaran fasad rumah masih dipraktikan di Belanda.

Rumah-rumah di Amsterdam, Hague dan bandar-bandar utama Belanda juga memanjang ke belakang, sempit dan disusun dalam satu deret<sup>3</sup>.

*gambar 2.4: Rumah deret di Belanda sempit dan memanjang ke belakang kerana cukai dipungut berdasarkan kelebaran fasad rumah.*

*sumber: Rasuna Said (ed), 'Serba serbi Negeri Belanda', Jilid 67, 1987, Jakarta, Bahagian. Persatuan dan Kebudayaan Kedutaan Besar Kerajaan Negeri Belanda.*



Rumah-rumah deret di China Selatan, seperti Canton dan Chekiang, juga mempunyai



*gambar 2.5: Fasad rumah deret di Tianjin, China Utara yang lebar, berbeza dengan fasad rumah-rumah di China Selatan yang sempit.*

fasad yang sempit dan memanjang kerana plot-plot tanah di sana berbentuk sempit dan memanjang<sup>4</sup>. Berlainan pula dengan China Utara. Fasadnya tidak selalu sempit. Oleh itu, selain daripada pengaruh Belanda, rekabentuk rumah kedai Baba Nyonya yang sempit dan memanjang juga dipengaruhi oleh pendatang-pendatang dari China Selatan yang berhijrah ke Melaka.

<sup>3</sup> Temuramah dengan En, Chan Kim Lay, pemilik Muzium Warisan Baba Nyonya, di Muzium Warisan Baba Nyonya, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Melaka.pada Disember 1993.


<sup>4</sup> Khoo Joo Ee., (1996), *The Straits Chinese: A Cultural History*, Amsterdam, The Pepin Press, ms. 140

Berdasarkan fakta ini, dapat dikatakan yang rumah kedai Baba Nyonya Singapura dan Pulau Pinang berdasarkan rekabentuk rumah kedai Baba Nyonya Melaka. Konsep '*Chinatown*' yang dilahirkan oleh Sir Stamford Raffles hanya pada tahun 1822 selepas dua tahun beliau meninggalkan Singapura\*. Pihak Belanda telah bertapak di Melaka sejak tahun 1644 lagi dan oleh itu telah mula merancang penempatan masyarakat tempatan awal-awal lagi sebelum tertubuhnya '*Chinatown*' Singapura. Lagipun Pulau Pinang dan Singapura tidak pernah dijajah oleh Belanda, yakni tidak mungkin kesempitan fasad rumah kedainya dipengaruhi oleh Belanda. Tambahan lagi, Baba Nyonya Singapura dan Pulau Pinang sebahagian besarnya berasal dari Melaka. Baba Nyonya Melaka yang membawa bersama mereka seni bina unik mereka ke Pulau Pinang dan Singapura apabila mereka berhijrah dan ini mempengaruhi seni bina rumah kedai Baba Nyonya di Pulau Pinang dan Singapura.


Pada amnya, fasad rumah kedai Baba Nyonya di Pulau Pinang, dan Singapura lazimnya berulang-ulang. Ini menghasilkan sebuah pemandangan yang harmoni. Rumah kedai di China juga menunjukkan unit-unit rumah dalam satu deret mempunyai rekabentuk yang berulang-ulang. Rumah kedai di Melaka lebih individualistik rekabentuknya. Setiap satu unit mempunyai keunikannya tersendiri.

---

\* Beliau telah kembali pada Oktober 1822 dan tidak berpuas hati dengan perkembangan bandar yang tidak teratur. Beliau kemudiannya menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mula merancang penempatan-penempatan baru berdasarkan golongan etnik. Penempatan kaum etnik Cina termasuk Baba Nyonya ditempatkan di selatan Singapura. Populasi masyarakat Baba Nyonya dan Cina berkembang dan terlahirlah '*Chinatown*' di Singapura.



*gambar 2.6: Reka bentuk rumah kedai di Jalan Magazine, Pulau Pinang (atas, kiri), Singapura (atas, kanan) dan Tianjin, China (bawah, kiri) amnya menampilkan reka bentuk yang berulang-ulang. Ini melahirkan sebuah rentak bandar yang unik dan pemandangan yang harmoni. Reka bentuk rumah kedai di Jalan Tun Tan Cheng Lock (bawah, kanan) Melaka pula amnya lebih menekankan reka bentuk yang berlain-lain. Oleh itu, setiap satu rumah mempunyai keunikan tersendiri.*



*gambar 2.7: Garisan bangunan belakang yang tidak sekata. Tanah belakang rumah-rumah ini ialah tanah tambakan.*

Satu lagi perkara menarik ialah asal usul garisan bangunan belakang rumah kedai Baba Nyonya di Jalan Tun Tan Cheng Lock yang tidak sekata. Pada masa dahulu, garisan pantai berada

dekat dengan garisan bangunan belakang rumah kedai. Garisan pantai ini tidak sekata. Supaya dapat memaksimumkan ruang dalaman rumah, rumah kedai dibina sehingga ke garisan pantai. Oleh itu, garisan bangunan belakang mengikuti garisan pantai yang tidak sekata. Akibatnya ialah garisan bangunan belakang juga tidak sekata.<sup>5</sup>

Setengah-setengah rumah kedai Baba Nyonya yang juga digunakan untuk aktiviti perdagangan dan perniagaan juga dibina sehingga ke garisan pantai untuk memudahkan kerja memunggah barangan dari bot semasa air pasang<sup>6</sup>. Namun begitu, kawasan belakang rumah-rumah ini sekarang merupakan kawasan tanah tambak. Kerja punggah-memunggah kurang dijalankan pada masa kini kerana proses pemendakan telah menyebabkan Sungai Melaka menjadi cetek. Oleh itu, bot-bot besar tidak boleh menggunakan sungai ini lagi. Hanya tongkang-tongkang kecil sahaja yang dapat menggunakan Sungai Melaka.



*gambar 2.8: Rumah kedai-rumah kedai terletak di tepi Sungai Melaka untuk memudahkan kerja punggah memunggah pada suatu masa dahulu.*

Pada keseluruhannya, terdapat 174 buah rumah kedai Baba Nyonya di Jalan Tun Tan Cheng Lock, iaitu 88 buah di sebelah barat dan bilangan yang hampir serupa pada sebelah timur<sup>7</sup>. Plot-plot sebelah barat yang lebih panjang menunjukkan yang rumah-rumah di sini kepunyaan keluarga Baba Nyonya yang berada. Rumah-rumah ini menikmati pemandangan yang indah ke Selat Melaka dan mempunyai akses terus ke laut dan ini memudahkan penghuninya yang juga pedagang menjalankan aktiviti

---

<sup>5</sup> Temuramah dengan **En. Lee Liang Hye**, dari Persatuan Peranakan Cina Singapura, di Novotel, Pulau Pinang pada Disember 1994

<sup>6</sup> *op cit.*, Khoo Joo Ee

<sup>7</sup> Kwee Yen Tan. (1986), **The Malaccan Courtyard House**, Melaka (tidak dicetak), m.s. 19.

perdagangan<sup>8</sup>. Masyarakat Baba Nyonya pada masa dahulu berpendapat yang rumah di tepi pantai mencerminkan status mereka sebagai golongan atasan.

Jalan raya-jalan raya yang wujud amat sempit. Misalnya, Misalnya jalan raya di 'Chinatown' Melaka hanya selebar 7 meter<sup>9</sup>. Jalan -jalan ini dibina pada awal abad ke-19 dan pada masa itu digunakan untuk laluan kereta kuda, kereta lembu, beca serta pejalan kaki, yakni kelebarannya memadai untuk masa itu. Terdapat juga jalan-jalan yang lebih sempit lagi. Namun begitu, jalan-jalan ini hanya digunakan sebagai tempat letak kereta. Oleh kerana jalan ini kurang sibuk ia sering digunakan oleh kanak-kanak sebagai tempat mereka bermain.



*gambar 2.9: Jalan Tun Cheng Lock yang selebar 7 meter amat sempit dan menyukarkan kenderaan-kenderaan besar melaluinya. Ini sering mengakibatkan kesesakan lalu lintas.*

Perancangan dan orientasi bangunan-bangunan juga dipengaruhi oleh agama dengan menitik beratkan takhyul *feng shui*, atau *geomancy*<sup>10</sup>. Pada amnya ia bermaksud bahawa bangunan hendaklah berharmoni dengan kejadian alam dan tidak bercanggah

---

<sup>8</sup> Woo Heng Li, "Malacca Court House", Singapore Institute of Architects Journal, Julai/ Ogos 1974, isu 65., Singapura, Singapore Institute of Architects Journal, m.s. 9

<sup>9</sup> **Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah: Blok 1 dan Blok 2**, Melaka: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), 1996 ms. 24

<sup>10</sup> Hassan bin Mohamed, "Pengenalan Senibina Menerusi Cara Hidup", Majalah Akitek, vol 1:81, Selangor Darul Ehsan, LL Publishing Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan, LL Publishing Sdn. Bhd., ms. 37

dengannya. Rumah sewajarnya hendaklah menghadap ke kawasan yang lapang dan bukan bukit. Dipercayai menguntungkan jikalau rumah membelakangkan bukit dan hadapannya pula menghala ke kawasan yang luas, seelok-eloknya kalau menghadap ke arah air seperti sungai atau laut. Bukit di belakang melambangkan sokongan, manakala di hadapan menjadi penghalang, sementara air pula melambangkan kekayaan mengikut kepercayaan orang Baba Nyonya. Walau bagaimana pun, membina rumah di atas bukit dan menghadap kawasan yang indah memanglah yang ideal. Rumah di persimpangan dan bertentang dengan jalan lurus di hadapan dianggap tidak sesuai kerana dipercayai hantu jembalang boleh masuk ke rumah itu menerusi jalan lurus.

### 2.3 SENI BINA HIBRID BABA NYONYA (*STRAITS ECLECTIC*)

Seni bina Baba Nyonya sering disebut sebagai '*Straits Eclectic*<sup>11</sup>'. Gaya bangunan hibrid ini juga kadang kala digelar '*Sino-Malay-Colonial*', '*Sino-Malay-Palladian*', '*Tropical Renaissance*', '*Towkay Italianate*', '*Chinese Palladian*', dan '*Chinese Baroque*<sup>12</sup>'. Akibat kombinasi pengaruh-pengaruh ini, bangunan-bangunan abad ke-19 mempunyai bumbung Cina dengan fasad *Palladian*<sup>13</sup> yang disokong atas tiang ceracak Melayu. Bangunan-bangunan penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, digelar '*Chinese Baroque*<sup>14</sup>'. Bangunan jenis ini lebih mirip bangunan tradisional China berbanding dengan bangunan-bangunan yang awal. Tatatur rumah tradisional China menggunakan tatatur tokong, rumah

---

<sup>11</sup> Dr. Khoo Joo Ee dalam bukunya **The Straits Chinese: A Cultural History**, Amsterdam, The Pepin Press, (1996), mendefinisikan 'eclectic' sebagai: '*In architecture and art, the collective combination of varied and often unrelated styles and motifs into a single work.*'

<sup>12</sup> *ibid.*, ms. 133.

<sup>13</sup> *ibid.*, mendefinisikan '*Palladian*' sebagai: 'A building style following works and publications of Andrea Palladio (1508-80).

<sup>14</sup> *ibid.*, mendefinisikan '*Baroque*' sebagai: '*Ornate, lavishly ornamented. The Baroque period of European history, c.1600-1750, applies especially to Italy, Spain, Germany and Austria, France and England. The term Baroque Classicism means Baroque tempered with Classical elements. This is especially so in England.*'

Kongsi dan banglo besar berhalaman dalam. Rumah-rumah jenis ini lebih formal dan teratur berbanding dengan rumah tradisional Melayu.

Evolusi seni bina '*Straits Eclectic*' telah bermula sejak abad ke-15. Pada masa itu, pedagang-pedagang China telah membawa bersama mereka seni bina China Selatan ke Melaka. Sehingga penghujung abad ke-18, bangunan '*Straits Eclectic*' hanya terdapat di Melaka sahaja. Kedatangan British ke Melaka telah merangsangkan lebih banyak pembinaan bangunan-bangunan ini oleh pedagang-pedagang dari China. Pembinaan ini mencapai kemuncaknya pada awal abad ke-19 dan berterusan sehingga zaman kemelesetan ekonomi pada tahun 1930-an.

Dari abad ke-17 sehingga pertengahan abad ke-20, iaitu pada zaman kolonial British di Asia, banyak bangunan dibina oleh jurutera dan arkitek yang berkhidmat untuk Syarikat Hindia Timur dan Kerajaan British. Sebahagian daripada mereka pernah berkhidmat di India dan oleh itu membawa bersama mereka ke Melaka pengaruh seni bina '*Anglo-India*'<sup>15</sup>.

Rumah-rumah yang direka bentuk oleh arkitek-arkitek awal mengambil kira faktor iklim tropika dan dipengaruhi oleh seni bina Portugis, Belanda dan British. Antara ciri-ciri yang diterapkan untuk merendahkan suhu dalam rumah termasuk penggunaan beranda yang luas, kanopi genting Cina yang lebar, dinding dengan *stucco* putih *Anglo-India* dan siling yang tinggi dengan '*punkah*'\*.

---

<sup>15</sup>*ibid.*, mendefinisikan seni bina '*anglo-India*' sebagai: '*Palladian buildings in the seventeenth and eighteenth centuries, characterized by white stucco on exterior and interior walls, high ceilings and neoclassical decoration*'.

\* *Sejenis kipas kain yang besar dan digerakkan dengan menarik seutas tali yang bersambung kepadanya, ibid.,ms. 133*